

02 FEB 1999

Ling-Sabah

MCA KEMUNGKINAN CALONKAN DATUK CHAU BAGI PILIHAN RAYA SABAH

KUALA LUMPUR, 2 Feb (Bernama) -- MCA besar kemungkinan akan mencalonkan wakil tunggalnya dalam dewan undangan negeri, Datuk Chau Tet On bagi pilihan raya negeri Sabah jika diberikan kerusi oleh Barisan Nasional (BN).

Presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata parti menyifatkan Chau sebagai calon terbaik memandangkan beliau sekarang ialah pengerusi MCA Sabah.

"MCA tidak bertanding pada pilihan raya negeri yang lepas. Jika diperuntukkan kerusi, MCA akan bertanding," kata beliau pada persidangan media di sini mengenai "Senaman Raksasa Patriotik" yang akan diadakan pada 7 Mac di Dataran Merdeka.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan acara itu, yang dihadiri kira-kira 5,000 anggota Persatuan Taiji Qi Gong Pattern 18 serta Persatuan Waitankung dan Neitanking.

Chau, anggota Dewan Undangan Negeri bagi Api-Api, ialah satu-satunya wakil MCA dalam dewan yang penggalnya selama lima tahun berakhir pada 18 Mac. Dewan Undangan Negeri Sabah mengandungi 48 kerusi.

Chau memenangi kerusi itu atas tiket Parti Bersatu Sabah (PBS) pada pilihan raya negeri 1994. Beliau kemudian menyertai MCA yang mengembangkan sayapnya ke Sabah pada 1991.

Ling berkata terserahlah kepada kepimpinan BN sama ada untuk memperuntukkan kerusi Api-Api atau menambah peruntukan kerusi kepada MCA bagi pilihan raya negeri.

"Yang lebih penting ialah menyelesaikan masalah pembahagian kerusi mengikut semangat BN," kata beliau.

Ling berkata beliau yakin bahawa rakyat Sabah akan memberi mandat kepada BN untuk memegang tampok pemerintahan bagi tempoh lima tahun akan datang.

"BN telah berkhidmat dengan baik kepada rakyat dan kami percaya rakyat akan memberi mandat," kata beliau.

-- BERNAMA

AR FAZ